

Majikan wajib beri cuti Sabtu ini

PUTRAJAYA 19 Sept. ~ Semua majikan diarah mematuhi keputusan kerajaan untuk memberi cuti kepada para pekerja pada Sabtu ini sempena pencapaian cemerlang kontinjen negara dalam Sukan SEA XXI yang baru berakhir.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Fong Chan Onn berkata, majikan yang gagal berbuat demikian boleh didakwa di mahkamah dan didenda tidak lebih RM10,000 bagi setiap kesalahan.

Katanya, majikan yang terpaksa meminta pekerja-pekerja mereka bekerja pada hari tersebut atas sebab-

sebab yang mendesak pula wajib membayar dua kali ganda daripada gaji biasa untuk sehari atau menggantikannya pada hari lain.

Beliau berkata, perkara tersebut diwajibkan di bawah Seksyen 60(D)(1)(b) Akta Kerja 1955 yang memperuntukkan cuti tambahan kepada cuti am tahunan yang telah ditetapkan oleh majikan setiap tahun.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat kementerianya di sini hari ini, Fong memberitahu, perintah tersebut juga terpakai kepada semua majikan di Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Isnin lalu mengisytiharkan Sabtu ini sebagai hari kelepasan am berikutan kejayaan cemerlang Malaysia dalam Sukan SEA sehingga muncul juara keseluruhan buat pertama kali dalam sejarah sukan itu.

Pada sidang akhbar itu Fong turut memberitahu, pihaknya telah menempatkan pegawai khas di setiap Jabatan Sumber Manusia untuk mengendalikan aduan berkaitan diskriminasi terhadap pekerja berasaskan jantina.

UM 20 SEP 2011